



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN

UHMT1012 SEKSYEN 10

TUGASAN 1

LAPORAN TEKNIKAL MENGENAI SISTEM RUJUKAN

NAMA PELAJAR : SERENE HOE

NO MATRIK : A20BE0269

NO TELEFON : 012-7327578

TAHUN KURSUS : 2020/2021

NAMA PENSYARAH : DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

1.0 PENGENALAN KEPADA SITASI DAN PENULSAN RUJUKAN

Sitasi merupakan suatu langkah memberitahu pembaca bahawa bahagian yang terdapat dalam tulisan kita berasal dari sumber penulis lain. Menurut Diana Hacker dan Nancy Sommers (2018) menyatakan bahawa sitasi adalah cara yang digunakan untuk menghargai peneliti dan penulis ketika menggunakan karya penulis lain dalam karya sendiri. Sitasi dapat menunjukkan asal-usul atau sumber suatu kutipan dan mengulang pernyataan seseorang dalam karya tulis. Gaya sitasi dapat membantu menentukan cara informasi dituliskan dan informasi yang diperlukan dalam kutipan (Rina Hayati, 2019).

Rujukan ialah senarai rujukan yang diberikan di akhir sesuatu penulisan atau karangan ilmiah. Berdasarkan kamus dewan pelajar edisi kedua (1984), rujukan adalah sumber untuk memperoleh keterangan lanjut. Jenis rujukan yang berlainan mempunyai format penulisan rujukan yang berbeza. Contoh rujukan yang selalu dipelajari ialah laman web, buku, jurnal, surat khabar dan laporan. Sistem rujukan merupakan peraturan yang digunakan untuk menetapkan sumber maklumat seperti nama penulis, tahun penerbit, syarikat penerbit dan lain-lain dalam sesebuah penulisan.

2.0 PENULISAN SITASI DAN RUJUKAN BERDASARKAN SISTEM APA

APA merupakan singkatan untuk American Psychological Association. Sistem APA diperkenalkan sebagai panduan penulisan oleh Persatuan Psikologi Ameika pada tahun 1929. APA ialah gaya rasmi dalam menyenaraikan sumber rujukan dan citasi (Kee Man Chuah, 2013). Sistem APA merupakan sistem yang diaplikasikan dalam bidang bahasa dan pendidikan. Penulisan kajian tindakan, kerja kursus dan lain-lain sering menggunakan sistem APA sebagai gaya penulisan. Sistem APA memudahkan pemahaman pembaca dan membantu mengimbas maklumat penting. Ia merupakan gabungan rujukan dalam teks dan maklumat sumber bahan yang digunakan dalam tugas (Rohaniza, 2015). Panduan rujukan APA memberikan maklumat tentang cara memetik dari pelbagai sumber seperti jurnal, buku, prosiding persidangan dan laman web.

2.1 PENULISAN SITASI BERDASARKAN KEPADA SISTEM APA

Sistem APA telah menetapkan suatu standard penulisan iaitu organisasi kandungan perlu disusun dan adanya tajuk lengkap. Penulisan sitasi dalam sistem APA mengutamakan aspek penulisan penampilan seperti jenis huruf, margin dan ruang. Sitasi digunakan untuk memudahkan pembaca mengetahui rujukan asal pernyataan yang ditulis khususnya fakta daripada sumber rujukan. Terdapat dua cara penulisan sitasi yang boleh digunakan dalam sistem APA. Pertamanya, nama penulis diutamakan dalam suatu ayat dan diikuti dengan tahun penerbit. Contohnya, berdasarkan Mohd Zin Ali (2016) menyatakan bahawa fenomena El-Nino menyebabkan cuaca panas, kering, suhu tinggi dan dikatakan penyumbang peningkatan kes demam denggi. Penulisan sitasi yang kedua ialah fakta diutamakan iaitu nama penulis diletakkan di akhir ayat berserta dengan tahun penerbit. Contohnya, kenpen bertujuan untuk membantu dan mendidik orang ramai mencegah demam denggi (Hajah Faharna, 2017).

2.2 PENULISAN RUJUKAN BERDASARKAN KEPADA SISTEM APA

Penulisan rujukan dalam sistem APA mengambil kira sumber rujukan daripada buku, jurnal, laman web, surat khabar dan sebagainya. Rujukan yang dimasukkan dalam teks, sama ada sumber rujukan itu telah diterbitkan atau tidak diterbitkan perlulah direkodkan. Gaya penulisan perlu menggunakan font yang sesuai iaitu bersaiz 12 untuk Times News Roman. Kaedah penulisan rujukan daripada buku memerlukan nama penulis, tahun penerbitan, tajuk penulisan, tempat diterbitkan dan penerbit. Contoh bagi satu pengarang adalah Nur, (2011). *Bahan kuliah menulis karya ilmiah*. Padang: UNP Press. Contohnya, bagi dua pengarang adalah Tho Lai Hoong & Che Ahmad Bin Daud, (2018). *Kepelbagaian bentuk mineral dalam kerak bumi*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd. Penulisan rujukan daripada buku yang melebihi enam pengarang, penulis perlu menggunakan perkataan et al atau dll selepas nama penulis keenam. Contohnya, Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, Salizawati Omar, Suzana Ibrahim, Lim Chen Nu & Nadarajan Maniam, et al, (2010). *Special education*. Kuala Lumpur: Ilmu Wawasan Printing.

Penulisan rujukan bagi jurnal berdasarkan sistem APA adalah memerlukan nama pengarang jurnal, tahun terbitan, tajuk makalah, nama jurnal dan edisi perlu dicondongkan serta nombor muka surat. Contohnya, Asmah Haji Omar (1999). Bahasa Melayu merentas alaf: Unjuran ke alaf baru. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43(11), 962-979. Contohnya, bagi dua pengarang adalah Asiah Abu Kassim & Razak Selamat (2003). Impak pencemaran udara di Parit Raja, Batu Pahat. *Jurnal Sains Sekitar* 2(3), 1-32. Untuk penulisan rujukan laman web berdasarkan sistem APA, maklumat yang diperlukan adalah nama penulis, tarikh diterbitkan, tajuk lengkap perlu dicondongkan dan alamat laman web. Contohnya, Hassan Mohd Ghazali, (2015). *Penulisan akademik mengikut format sistem APA*. Dimuat turun daripada <https://rosfazila.wordpress.com/tag/sistem-rujukan-dalam-teks-gaya-apa/>. Maklumat yang diperlukan dalam penulisan rujukan surat khabar berdasarkan sistem APA adalah nama pengarang, tarikh diterbitkan, tajuk artikal, nama akhbar dan muka surat. Contohnya, cara pertama menulis rujukan surat khabar adalah Safina Ramli. (2018 Januari, 9). Pakatan Harapan dipersoal seperti tiada calon lain. *Utusan Malaysia*, 3. Seterusnya, cara yang kedua ialah Safina Ramli (2018). Pakatan Harapan dipersoal seperti tiada calon lain. *Utusan Malaysia* 9 Januari: 3.

3.0 PENULISAN SITASI DAN RUJUKAN BERDASARKAN SISTEM HARVARD

Pembentukan sistem harvard adalah tidak jelas dan terdapat sumber menyatakan rujukan ini diperkenalkan oleh Edward Lawrens Mark. Rujukan ini telah digunakan oleh Universiti Harvard pada tahun 1930-an. Gaya rujukan harvard adalah paling banyak digunakan di UK dan Australia, terutamanya dalam bidang kemanusiaan. Sistem harvard juga merupakan penulisan rujukan yang popular dan digunakan oleh peneliti, penulis, dan intitusi pengurusan tinggi (Materi Kuliah, 2020). Sistem harvard adalah sama dengan sistem APA memerlukan senarai rujukan dan teks kutipan. Rujukan bahan-bahan sumber dalam penulisan saintifik juga menggunakan sumber rujukan harvard. Penggunaan sistem harvard adalah untuk mencegah penipuan, tuduhan plagiarisme terhadap seorang penulis dan membawa kredibiliti terhadap karya penulis.

3.1 PENULISAN SITASI BERDASARKAN KEPADA SISTEM HARVARD

Sistem harvard dikenali sebagai gaya pengarang-tarikh. Penulisan sitasi berdasarkan sistem harvard menekankan nama pengarang dan tarikh penerbitan dengan senarai rujukan dalam susunan abjad di akhir makalah. Sistem harvard adalah sistem yang boleh digunakan oleh pelajar, penulis dan penyelidik untuk memasukkan pertikan penemuan dan idea orang lain ke dalam karya mereka (Elisabeth Bruner, 2020). Penulisan sitasi berdasarkan sistem harvard adalah sama dengan sistem APA iaitu nama penulis diutamakan dan fakta diutamakan. Contohnya, nama utama diutamakan adalah menurut Desikan (2006, p. 156)... manakala fakta diutamakan adalah ayat yang dirujuk ditulis dahulu dan disambungkan dengan nama penulis iaitu (Desikan 2006, p. 156). Dalam sistem harvard apabila terdapat dua atau tiga orang penulis, perkataan dan akan digunakan seperti menurut Desika, Rames, dan Sebok (2006, p. 156). Bagi empat orang penulis ke atas, perkataan et. al akan digunakan seperti berdasarkan Desika, S. et al (2006, p. 156) dan disambungkan dengan ayat yang dirujuk.

3.2 PENULISAN RUJUKAN BERDASARKAN KEPADA SISTEM HARVARD

Penulisan rujukan berdasarkan sistem harvard merupakan gaya rujukan yang digunakan dalam penulisan akademik. Rujukan harvard menggunakan kaedah pengumuman dalam teks. Satu petikan dalam teks dalam gaya Harvard biasanya terdiri daripada nama akhir penulis dan tahun penerbitan. Rujukan yang menulis menggunakan sistem harvard biasanya adalah buku, jurnal, laman web, surat khabar dan sebagainya. Kaedah penulisan rujukan buku daripada sistem harvard memerlukan nama belakang, awal pertama nama, tahun penerbitan, tajuk buku, edisi iaitu hanya masukkan edisi jika bukan edisi pertama, tempat diterbitkan: penerbit. Contohnya, bagi satu pengarang adalah Plaidy, J. (2003). *The Rose Without Thorn: The Wives of Henry VIII*. New York: Buku Broadway. Sebagai contoh, penulisan rujukan buku bagi dua pengarang adalah Anna, N dan Santoso, CL (1997). *Pendidikan anak, edk 5*, Jakarta: Family Press. Contohnya, bagi rujukan buku yang melebihi empat pengarang adalah Dr Tee, A, Dr Satwant, S, En Tham, A, En Jamal, B, En Mohd, I et.al (2002). *Buku Panduan Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan*. Malaysia: Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penulisan rujukan dalam sistem harvard bagi jurnal adalah memerlukan nama belakang, awal pertama nama, tahun diterbitkan, tajuk artikel, nama jurnal, nombor volume ditulis vol, dan nombor halaman. Contohnya, bagi rujukan jurnal bagi satu pengarang adalah Hogrefe, P. (1972). Hak-hak undang-undang wanita Tudor dan pemintasan oleh lelaki dan wanita. *Jurnal Abad Keenam Belas*, Vol. 3, No. 1, ms. 97-105. Jurnal yang terdapat dua pengarang penulisan rujukan adalah seperti Stump, R dan Joshi, A (2002). Menguruskan hubungan pembeli-pembeli hubungan pembangunan produk baru untuk produk disesuaikan: model kontingensi berdasarkan analisis kos transaksi dan ujian empirik. *Jurnal Pengurusan Inovasi Produk*, Vol. 19, No. 6, ms. 439-54.

Untuk penulisan rujukan laman web dalam sistem harvard, maklumat yang diperlukan adalah nama belakang, awal pertama nama, tahun diterbitkan, tajuk halaman dalam talian, nama laman web dan boleh didapati di: URL Tahun Mo Terhad Tahun. Contohnya, Winch, G (2016). Pada Zaman Apa Adakah Anda Kemungkinan Terasa Merasa Lonely? [Online] Psikologi Hari Ini. Boleh didapati di: [http/wp-admin/admin-ajax.php{action:' wpt_view_count ', id:' 16554 '}\); }\);](http/wp-admin/admin-ajax.php?action=wpt_view_count&id=16554) (27 Febuari 2017). Seterusnya, maklumat yang diperlukan dalam surat khabar adalah nama belakang, awal pertama nama, tahun penerbitan, tajuk artikal, nama akhbar dan muka surat. Contohnya, Phelps, J (2002). “Kebaikan bacaan”, Sunday Times, 8 Mei, ms9.

4.0 KESIMPULAN

Kewujudan sitasi adalah penting untuk memberikan penghargaan terhadap karya orang lain dan dapat menghindari tindakan plagiat. Penggunaan sitasi membolehkan karya penulis disusun menurut penulis, tajuk, tahun dan penerbit. Sitasi juga dapat berfungsi sebagai alat pemeriksa fakta dan menjadi peneliti yang lebih baik. Tujuan menulis sitasi adalah untuk pengakuan atas relevansi karya orang lain dengan topik penelitian dalam hasil penelitian dan memuat hasil karya orang lain. Kesan jika tiada sitasi adalah pembaca tidak mengetahui bahawa suatu data, fakta atau pernyataan yang dituliskan berasal dari sumber lain. Oleh itu, sitasi adalah penting semasa membuat sesuatu rujukan dalam karya penulis.

RUJUKAN

- Anna, N dan Santoso, CL (1997). *Pendidikan anak, edk 5*, Jakarta: Family Press.
- Asiah Abu Kassim & Razak Selamat (2003). Impak pencemaran udara di Parit Raja, Batu Pahat. *Jurnal Sains Sekitar* 2(3), 1-32.
- Asmah Haji Omar. (1999). Bahasa Melayu merentas alaf: Unjuran ke alaf baru. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43(11), 962-979.
- Diana Hacker dan Nancy Sommers, (2018). Pengertian sitasi. Dimuat turun daripada <https://idtesis.com/pengertian-sitasi/>.
- Dr Tee Ah Sian, Dr Satwant Singh, En Tham Ah Seng, En Jamal B. Baharudin, En Mohd Ishak Jaidin dan En Mohd Yusul, (2002). *Buku Panduan Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan*. Malaysia: Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Elizabeth Bruner, (2020). Harvard Referencing- Pros and Cos & Examples. Dimuat turun daripada <https://www.bachelorprint.eu/academic-writing/referencing-citation-styles/harvard-referencing/>.
- Hasaan Mohd Ghazali, (2015). Sistem APA- Penulisan Nama Pengarang. Dimuat turun daripada <http://cikgurohaniza.blogspot.com/2015/05/sistem-apa-penulisan-nama-pengarang.html>.
- Hajah Faharna, (2017, September 11). Kesedaran cegah demam denggi. *Harian Metro*
- Hogrefe, P. (1972). Hak-hak undang-undang wanita Tudor dan pemintasan oleh lelaki dan wanita. *Jurnal Abad Keenam Belas*, Vol. 3, No. 1, ms. 97-105.
- Kamus Dewan Pelajar. Edisi Kedua (1984). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kee Man Chuah, (2013). Panduan asas dan mudah. Dimuat turun daripada <https://www.slideshare.net/keemanxp/apa-style-panduan-asas>.
- Materi Kuliah, (2020). Contoh penulisan daftar pustaka harvard style dari jurnal, buku, dan internet. Dimuat turun daripada <https://karinov.co.id/contoh-daftar-pustaka/>.

- Mitchell, J.A. (2017). Bagaimana dan bila merujuk. [Online]. Available at: <https://www.howandwhentoreference.com/> (Accessed: 27 May 2017)
- Mohd Zin Ali, (2016, Febuari 3). Sikap masyarakat punca kes denggi meningkat. *Berita Harian*
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, Salizawati Omar, Suzana Ibrahim, Lim Che Nu & Nadarajan Maniam, et al., (2010). *Special education*. Kuala Lumpur: Ilmu Wawasan Printing.
- Nur, (2011). *Bahan kuliah menulis karya ilmiah*. Padang: UNP Press
- Phelps, J, (2002). “Kebaikan bacaan”, Sunday Times, 8 Mei, ms9.
- Plaidy, J. (2003). *The Rose Without Thorn: The Wives of Henry VIII*. New York: Buku Broadway.
- Rina Hayati, (2019). *Pengertian Sitasi, Jenis, dan Cara Membuatnya*. Dimuat turun daripada <https://penelitianilmiah.com/pengertian-sitasi/>.
- Rohaniza, (2015). *Penulisan akademik mengikut format sistem APA*. Dimuat turun daripada <https://rosfazila.wordpress.com/tag/sistem-rujukan-dalam-teks-gaya-apa/>.
- Safina Ramli. (2018 Januari, 9). Pakatan Harapan dipersoal seperti tiada calon lain. *Utusan Malaysia*, 3.
- Stump, R dan Joshi, A (2002). Menguruskan hubungan pembeli-pembeli hubungan pembangunan produk baru untuk produk disesuaikan: model kontingensi berdasarkan analisis kos transaksi dan ujian empirik. *Jurnal Pengurusan Inovasi Produk*, Vol. 19, No. 6, ms. 439-54.
- Tho Lai Hong & Che Ahmad Bin Daud, (2018). *Kepelbagaian bentuk mineral dalam kerak bumi*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Winch, G (2016). Pada Zaman Apa Adakah Anda Kemungkinan Terasa Merasa Lonely? [Online] Psikologi Hari Ini. Boleh didapati di: [http/wp-admin/admin-ajax.php{action:' wpt_view_count ', id:' 16554 '}\); }\);](http/wp-admin/admin-ajax.php?action=wpt_view_count&id=16554) (27 Febuari 2017).